

17/09/2002

`Rakyat Kedah masih perlukan Dr M'

KULIM, Isnin - Rakyat Kedah, terutama di Kubang Pasu, masih memerlukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menjadi wakil rakyat mereka.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata rakyat negeri ini juga masih memerlukan kepimpinan dan nasihat Perdana Menteri kerana pengaruh beliau ternyata memberi kesan positif bukan saja kepada Kedah, tetapi juga Malaysia.

"Kita menghormati keputusan Perdana Menteri, tetapi rakyat Kedah, terutama di Kubang Pasu, masih perlukan beliau.

"Oleh itu, kita berharap Dr Mahathir akan menimbang semula keputusannya untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang," katanya selepas melancarkan kad pintar KHTP.Com.Unity di Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) di sini, hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri mengulas pengumuman Dr Mahathir bahawa beliau tidak akan bertanding semula pada pilihan raya umum akan datang.

Ditanya sama ada Umno Kedah bercadang menghantar rombongan untuk memujuk Perdana Menteri supaya menimbang semula keputusannya itu, Syed Razak berkata:

"Kita ada banyak cara (untuk meminta Perdana Menteri menimbang semula keputusannya) dan kita akan bincang pada mesyuarat bulanan (Umno negeri)," katanya.